

Sajat rugi ratusan ribu ringgit angkara produk bengkung diciplak

Oleh NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF

KUALA LUMPUR – Usahawan kosmetik, Muhammad Sajad Kamaruzzaman, 34, mengalami kerugian mencecah ratusan ribu ringgit apabila produk bengkung keluarnya diciplak pihak tidak bertanggungjawab.

Muhammad Sajad atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat mendakwa penjualan produk bengkung untuk wanita itu berleluasa semenjak penghasilannya pada empat tahun lalu.

“Harga asal bengkung tersebut adalah RM139.90 tetapi yang palsu dijual pada harga yang terlahu murah iaitu bermula RM39.

“Akibat penjualan produk bengkung palsu ini, kami terpaksa menanggung kerugian sebanyak 60 hingga 70 peratus,” katanya pada sidang akhbar di ditemui di Pejabat Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini

semalam. Nur Sajat menambah, penjual produk bengkung palsu ini telah menjejaskan sumber pendapatan kira-kira 26 stokis dan ejen jualan produknya di seluruh negara.

“Kebanyakan ejen jualan berdaftar kami adalah daripada golongan ibu tunggal, suri rumah dan pelajar yang menjadikan ia sebagai sumber pendapatan. “Saya turut dimaklumkan bahawa produk palsu ini mence-

derakan tubuh kerana besi akan terkeluar daripada jahitan bengkung tersebut berbanding produk asli yang mempunyai jahitan kemas di tepinya,” ujarnya. Beliau berkata, pihaknya juga telah membuat pemantauan dan pemeriksaan di dua buah premis di Sungai Udang, Klang serta Chow Kit di sini selepas mendapat aduan mengenai penjualan barang rangan tiruan tersebut.

“Terdapat pihak yang cuba mengambil untung atas angin dengan mengeluarkan 15,000 unit produk tersebut setiap bulan untuk dijual pada harga murah.

“Saya menggesa mereka yang terlibat dengan kegiatan ini untuk mengherikannya dan jika tertangkap, mereka perlu menanggung kesan buruknya,



NUR SAJAT menunjukkan produk bengkung keluaran syarikatnya (kiri) dengan bengkung yang diciplak (kanan) pada sidang akhbar di Pejabat KPDNHEP di Kuala Lumpur semalam.

katanya. Ketua Bahagian Penguatkuasaan Negeri KPDNHEP, Azeem Nazuri berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan berhubung aduan itu mengikut Akta Perihal Dagangan 2011.

Nur Sajat dakwa produk Let's Bengkung diciplak

25 Jun 2019 3:46 PM



Sajjat menunjukkan produk bengkung yang didakwa ada set tiruan dipasaran dalam satu sidang akhbar hari ini.

KUALA LUMPUR - Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman, 34, mendakwa tiga produk keluarannya telah diciplak oleh pihak tidak bertanggungjawab hingga mengakibatkannya mengalami kerugian teruk sejak tahun lalu.

Muhammad Sajjad atau turut dikenali sebagai Nur Sajat mendakwa, Produk Let's Bengkung Diamond Gold keluaran syarikatnya telah berada di pasaran sejak empat tahun lalu dan salah satunya sudah tidak dikeluarkan lagi namun masih dijual oleh pihak yang menciplak barangan itu.

Katanya, ekoran itu, 26 stokis dan ramai ejennya tidak dapat menjual barangan yang mendapat permintaan tinggi itu kerana persaingan harga daripada produk tiruan.

"Produk tulen dijual pada harga RM130.90 manakala yang tiruan dijual antara RM30 hingga RM90. Kebanyakan produk saya dijual di bazar, laman sosial dan platform e-dagang terkenal seperti Shopee dan Lazada.

"Saya dimaklumkan, pembeli yang memakai produk tiruan akan mengalami kecederaan pada badan mereka kerana besi yang digunakan untuk bengkung tersebut akan terkeluar hingga menyucuk tubuh si pemakai," dakwanya ketika ditemui di Pejabat Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di sini hari ini.

Dakwa Nur Sajat, dia dan pasukannya ada membuat pemantauan dan pemeriksaan di dua buah premis di Sungai Udang, Klang serta Chow Kit di sini selepas mendapat aduan mengenai penjualan barangan tiruan tersebut.

Nur Sajat mendakwa, siasatan pihaknya mendapati ada pihak yang cuba mengambil untung atas angin dengan mengeluarkan 15,000 produk itu setiap bulan untuk dijual pada harga murah.

"Kotak, logo, jahitan, tulisan, tag dan kain yang digunakan amat berbeza dengan yang tulen dan saya menggesa mereka supaya menghentikan perbuatan itu jika tidak mahu berdepan dengan undang-undang.

"Kebanyakan stokis saya adalah ibu tunggal, pelajar dan peniaga online yang terjejas kerana kehilangan 60 hingga 70 peratus daripada pendapatan yang mereka peroleh sebelum ini," dakwanya.

Nur Sajat mendakwa, dia juga pernah menyergah seorang peniaga di bazar di Singapura beberapa bulan lalu kerana menjual produk tiruan tersebut.

"Ketika itu saya sedang lalu di situ dan ternampak produk saya yang diciplak. Saya terus bertanya kepada dia dan dia meminta maaf lalu membuang barangan tersebut kerana mendakwa dia tidak tahu apa-apa," dakwanya.

Dakwa Nur Sajat, ekoran kejadian itu dia yang mampu memperoleh pendapatan sehingga jualan 20,000 helai bengkung sebulan daripada penjualan produk itu kerugian antara 60 hingga 70 peratus.

Sementara itu, Ketua Bahagian Penguatkuasaan Negeri KPDNHEP, Azeem Nazuri beriya, pihaknya akan menjalankan siasatan di atas aduan Nur Sajat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011. - K! ONLINE

